

05 SEP 2001

SEA-Imran

MASA UNTUK KUATKAN MENTAL, KATA TUNKU IMRAN

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Setelah mencapai kemantapan fizikal, atlit negara kini perlu pula memberi tumpuan kepada kekuatan mental untuk menghadapi Sukan SEA ke-21 yang bermula Sabtu ini.

Presiden Majlis Olimpik Malaysia Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar berkata bahawa setelah menjalani latihan begitu lama, kecergasan atlit kini berada di tahap yang tinggi walaupun daripada segi mental, mungkin ada yang belum fokus.

"Mereka yang belum fokus, masanya sudah tiba untuk fokus," katanya selepas satu majlis menandatangani perjanjian antara MOM dan Advance Agro Public Company Ltd, sebuah syarikat dari Bangkok.

Advance Agro, pembekal kertas rasmi bagi Sukan SEA kali ini, menyediakan kertas A4 berjenama "Double A" kepada pusat utama akhbar, pusat kecil akhbar dan sekretariat sukan.

Selaras dengan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya atlit negara berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan, Tunku Imran berkata bahawa setelah teruk berlatih, semua peserta negara perlu memberi tumpuan untuk menang.

"Ini adalah kemuncak segala-galanya," katanya sambil meminta atlit mengetepikan sebarang masalah yang mungkin membelenggui mereka.

Malaysia mensasarkan 80 daripada 391 pingat emas yang ditawarkan pada sukan kali ini yang akan berlangsung sehingga 17 Sept.

Pada sukan yang lepas di Brunei pada 1999, Malaysia meraih 57 emas untuk menduduki tempat kedua di belakang Thailand.

Tunku Imran berkata atlit negara patut menggunakan kelebihan beraksi di tempat sendiri untuk mencapai kejayaan.

"Saya berharap atlit negara akan mendapat rangsangan daripada sokongan penonton," katanya.

--BERNAMA

LES MAI